

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKENAAN GERAN DIGITAL PENJAJA MADANI (GDPM)

1.	<p>Apakah Geran Digital Penjaja Madani?</p> <p>a) Geran Digital Penjaja Madani (GDPM) adalah geran inisiatif yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN), Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC) & Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) bagi membantu Penjaja untuk menggunakan perkhidmatan digital dalam operasi perniagaan harian (“Inisiatif”).</p> <p>b) Seperti yang diumumkan di dalam pembentangan Belanjawan Madani 2023, Kerajaan akan menyediakan geran digital berjumlah RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu) sahaja daripada keseluruhan jumlah inbois daripada pembekal perkhidmatan yang telah dilantik bagi setiap Penjaja yang layak bagi membantu Penjaja melanggan perkhidmatan digital untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti perniagaan.</p>
2.	<p>Apakah butiran Geran Digital Penjaja Madani?</p> <p>a) Tidak layak kepada Penjaja yang telah menerima Geran Digital Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Madani.</p> <p>b) Geran ini terhad untuk satu (1) permohonan sahaja bagi setiap Penjaja.</p> <p>c) Tempoh Sah - Geran ini dibekalkan oleh Kerajaan tertakluk kepada peruntukan yang disediakan.</p> <p>d) Yuran - Tiada yuran dikenakan.</p>
3.	<p>Apakah Perkhidmatan Digital yang boleh didapati di bawah Geran Digital Penjaja Madani?</p> <p><u>Pembayaran Digital / Sistem Elektronik <i>Point of Sale</i> (e-POS) :</u> Penggunaan perisian seperti <i>Point-Of-Sale</i> untuk memudahkan operasi syarikat.</p>

4. **Siapakah yang layak untuk memohon Geran Digital Penjaja Madani?**

Pemohon yang memenuhi kriteria di bawah adalah layak dan digalakkan untuk memohon:-

Kategori Penjaja	Keterangan
Statik	Penjaja yang mengendalikan gerai tetap di kawasan awam atau swasta yang mempamerkan barangan untuk dijual (termasuk makanan dan minuman)
Bergerak / Beredar	Penjaja yang menjaja dari lokasi ke lokasi; dengan atau tanpa kenderaan, mempamerkan barang-barang untuk dijual (termasuk makanan dan minuman)
Sementara	Penjaja yang mengendalikan gerai sementara di lokasi yang mempamerkan barangan untuk dijual (termasuk makanan dan minuman) untuk tempoh tertentu. Ia termasuk gerai buah-buahan bermusim, gerai promosi / perayaan / festival, pasar malam / pasar harian / pasar tani

5. **Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Inisiatif ini?**

Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan berikut:-

- a) Salinan Kad Pengenalan pemilik tunggal/rakan kongsi.
- b) Dokumen pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Lesen Perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan / Permit Operasi / Lesen dari Majlis Daerah.
- c) Penyata Bank untuk dua (2) bulan terkini.
- d) Bil elektrik / Bil air terkini.
- e) Dokumen sokongan dan maklumat lain yang mungkin diperlukan oleh BSN dari semasa ke semasa.

6. **Bagaimanakah cara untuk memohon Geran Digital Penjaja Madani (GDPM)?**

	<p>Permohonan boleh dibuat melalui laman sesawang Funding Society yang telah dilantik secara rasmi oleh pihak MDEC bagi menguruskan permohonan ini. Sila layari pautan ini http://fundingsocieties.com.my/geran-digital-penjaja-madani</p>
7.	<p>Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan bagi setiap Penjaja di bawah Inisiatif ini?</p> <p>Jumlah geran bagi setiap penjaja adalah sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Ringgit Sahaja) dan akan dibayar terus kepada pembekal perkhidmatan digital yang dilantik secara penuh atau secara berperingkat mengikut budi bicara BSN.</p>
8.	<p>Berapakah jumlah pendahuluan yang perlu saya bayar?</p> <p>Tiada. BSN akan membayar jumlah sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Ringgit) sahaja terus kepada pembekal perkhidmatan digital.</p>
9.	<p>Berapa lama proses permohonan mengambil masa?</p> <p>Tempoh proses permohonan boleh mengambil masa sehingga 3 hari bekerja. Selepas anda menyerahkan permohonan anda, ia akan disemak untuk kelulusan. Anda akan dimaklumkan melalui e-mel tentang status permohonan anda.</p>
10.	<p>Apakah yang berlaku sekiranya permohonan saya diluluskan?</p> <p>Sekiranya permohonan anda diluluskan, anda akan dimaklumkan melalui e-mel. Selepas pembayaran berjaya, pembekal perkhidmatan digital anda akan mula menyampaikan perkhidmatan.</p>
11.	<p>Bagaimanakah cara saya membuat pembayaran?</p>

	<p>Anda tidak perlu membuat apa-apa bayaran. Pihak BSN akan membuat bayaran sebanyak RM1,000 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu) sahaja terus kepada pembekal perkhidmatan digital yang dilantik.</p>
12.	<p>Bagaimanakah saya akan dimaklumkan tentang kemajuan status permohonan saya?</p> <p>Anda akan dimaklumkan melalui e-mel tentang perkembangan status permohonan anda.</p>